



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)**
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
*(Ministry Of Energy, Science, Technology, Environment and
Climate Change)*
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor



12 Disember 2019
Notis Pemberitahuan LPTA
Bil. 06/ 2018 Sem. 2

**KAWALAN DI BAWAH LESEN KELAS H BAGI AKTIVITI PERKHIDMATAN
PENYENGGARAAN RADAS PENYINARAN ATAU RADAS PUNCA TERKEDAP**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai kawalan di bawah lesen Kelas H bagi aktiviti perkhidmatan penyenggaraan radas penyinaran atau radas punca terkedap¹.

LATAR BELAKANG

2. Lesen Kelas H adalah suatu lesen yang dikeluarkan bagi mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak diliputi oleh lesen Kelas A hingga G sepertimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 11, Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986.

3. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) sebelum ini telah mengeluarkan lesen Kelas H kepada agensi/ syarikat yang melakukan aktiviti penyenggaraan terhadap radas penyinaran atau radas punca terkedap sama ada memberikan perkhidmatan penyenggaraan, melakukan penyenggaraan sendiri atau menggunakan khidmat pakar luar.

¹ Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 telah mentafsirkan “radas punca terkedap” sebagai apa-apa radas yang mengandungi atau menggunakan satu atau lebih punca terkedap. Sehubungan itu, bekas punca (merujuk kepada projektor gama) adalah termasuk di bawah tafsiran radas punca terkedap.

KEPUTUSAN DAN ARAHAN JABATAN LPTA

4. Hasil semakan semula mekanisme kawal selia sedia ada bagi **aktiviti penyenggaraan**, LPTA telah memutuskan bahawa **hanya agensi/ syarikat yang memberi perkhidmatan sahaja** dikehendaki memohon **lesen Kelas H**. Sehubungan itu, syarikat atau pemegang lesen yang memberi perkhidmatan bagi aktiviti penyenggaraan radas penyinaran atau radas punca terkedap² hendaklah memohon lesen **Kelas H – Penyenggaraan (Khidmat Senggara)** melalui sistem atas talian (e-Lesen).

5. Syarikat atau pemegang lesen yang memberikan khidmat penyenggaraan radas penyinaran atau radas punca terkedap hendaklah menggunakan Pengendali Senggara yang diiktiraf oleh LPTA. Sekiranya khidmat penyenggaraan radas penyinaran atau radas punca terkedap dilakukan dengan menggunakan pakar daripada luar negara (khidmat pakar luar), pemegang lesen hendaklah memastikan pakar luar berkaitan dilantik sebagai pekerja sinaran syarikat dan diiktiraf sebagai Pengendali Senggara oleh LPTA terlebih dahulu.

6. Selaras dengan keputusan di atas, syarikat atau pemegang lesen yang melakukan sendiri penyenggaraan radas penyinaran atau radas punca terkedap milik sendiri sama ada dengan:

- i. menggunakan Pengendali Senggara sendiri; atau
- ii. menggunakan khidmat pakar luar;

adalah tidak tertakluk kepada lesen Kelas H. Pemegang lesen atau syarikat tersebut adalah tertakluk kepada lesen Kelas A, Kelas B atau Kelas C yang mana berkaitan kerana berurusan dengan radas penyinaran atau bekas punca terkedap.

7. Bagi penyenggaraan yang dilakukan sendiri, seperti dijelaskan pada perkara 6, pemegang lesen adalah bertanggungjawab untuk memastikan radas penyinaran atau radas punca terkedap selamat digunakan dan hendaklah memastikan individu yang kompeten melakukan aktiviti penyenggaraan tersebut. Pemegang lesen juga hendaklah

² Hanya meliputi bekas punca (yang merujuk kepada projektor gama).

mematuhi syarat lesen berkaitan penyenggaraan radas penyinaran atau radas punca terkedap yang dikeluarkan oleh LPTA.

8. Di samping itu, bagi penyenggaraan yang tidak dapat dilaksanakan di dalam negara, pemegang lesen adalah dibenarkan untuk menghantar radas penyinaran atau radas punca terkedap ke institusi yang diiktiraf oleh pihak berkuasa berkenaan di luar Malaysia.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

9. Keputusan ini berkuatkuasa serta merta bagi pemegang lesen baharu. Bagi pemegang lesen Kelas H – Penyenggaraan (Senggara Sendiri) atau Kelas H – Penyenggaraan (Khidmat Pakar Luar) sedia ada yang menyenggara radas penyinaran atau radas punca terkedap milik sendiri, lesen Kelas H tersebut akan digugurkan daripada lesen sedia ada apabila lesen diperbaharui.

PENUTUP

10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan jabatan LPTA menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim,
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800 Dengkil, Selangor.

No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : corporate@aelb.gov.my
Laman web : www.aelb.gov.my